JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG,
26600 PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR
Tel: 09-427 1111 Faks: 09-4228764 (Khidmat Pengurusan) / 09-4221781 (Pengarah)
Laman web : http://jaip.pahang.gov.my

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS03571
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS03571

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami. : Bil.(7) dlm. J.A.I.PHG 3/0052
Tarikh : 23 Februari 2026
5 Ramadan 1447H

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG BILANGAN 1 TAHUN 2026

KADAR HAD TUNTUTAN BARU BAGI TUNTUTAN PERJALANAN DAN ELAUN LEBIH MASA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini bersetuju meluluskan kenaikan kadar had tuntutan elaun perjalanan dan elaun lebih masa baru seperti di Jadual 1 dan Jadual 2 berkuat kuasa mulai **Februari 2026.**

3. Pelaksanaan kenaikan ini adalah **tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa** dan hendaklah dipatuhi selaras dengan peraturan yang sedang berkuat kuasa, antaranya:

i. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 1.4 – Elaun, Kemudahan dan Bayaran bagi Tugas Rasmi; dan

ii. mana-mana pekeliling atau arahan semasa Kerajaan Negeri Pahang berkaitan pengurusan perbelanjaan.

4. Sehubungan itu, semua Ketua Penolong Pengarah/Al-Fadhil Qadhi/Pengetua hendaklah memastikan tuntutan perjalanan dibuat secara berhemah, munasabah serta disokong dengan dokumen yang lengkap.

5. Bagi memastikan pengurusan kewangan jabatan kekal berdisiplin, semua pihak adalah diarahkan untuk melaksanakan langkah-langkah penjimatan berikut:

a) Menggalakkan perkongsian kenderaan bagi tugasan rasmi yang melibatkan laluan dan destinasi yang sama;
b) Mengutamakan penggunaan kenderaan jabatan sekiranya ada;
c) Menyusun jadual tugasan secara bersepadu bagi mengelakkan perjalanan berulang;

d) Menghadkan perjalanan yang tidak kritikal dan memaksimumkan penggunaan mesyuarat secara dalam talian jika bersesuaian; dan

e) Memastikan semua perjalanan rasmi mendapat kelulusan terlebih dahulu.

f) Memastikan arahan kerja lebih masa dikeluarkan kepada kakitangan adalah untuk tujuan tugasan-tugasan yang benar-benar memerlukansahaja.

6. Oleh itu, Ketua Penolong Pengarah/Al-Fadhil Qadhi/Pengetua bertanggungjawab memantau pelaksanaan pekeliling ini. Semua pegawai adalah diingatkan supaya memastikan setiap tuntutan perjalanan yang dikemukakan adalah **benar, tepat dan dibuat berdasarkan perjalanan dan tugasan rasmi yang sebenar**. Sebarang tuntutan palsu, mengelirukan atau tidak berasas adalah merupakan satu kesalahan tatatertib. Pegawai yang didapati mengemukakan tuntutan palsu boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pahang) 2015 (Phg. P.U. 30) dan diwajibkan membuat bayaran balik terhadap tuntutan yang tidak sah.

7. Kerjasama dan perhatian semua pihak dalam perkara ini amatlah dihargai. Sehubungan itu, Surat Pekeliling Jabatan Agama Islam Pahang Bilangan 1/2021 bertarikh 22 Januari 2021 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(TOK MUDA DATO' HAJI AHMAD KHIRRIZAL BIN HAJI AB.RAHMAN, DSAP., DIMP., SAP., AAP.)
Pengarah
Jabatan Agama Islam Pahang

JADUAL 1

KADAR HAD TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN

BIL	KATEGORI	GRED	KADAR HAD TUNTUTAN PERJALANAN
1.	Kumpulan Pengurusan & Profesional	Gred 13 ke atas	RM2,100.00 (kekal)
		Gred 12	RM1,800.00 (kekal)
		Gred 9 -10	RM1,600.00 (kekal)
2.	Kumpulan Pelaksana	Gred 2 – 8	RM1,500.00 (kekal)
3.		Gred 1	RM1,300.00
4.	Pembantu Khidmat Am (Pemandu)	Gred 1	Tiada had

JADUAL 2

KADAR HAD TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA

BIL	KATEGORI	GRED	KADAR HAD TUNTUTAN PERJALANAN
1.	Semua Skim	Semua gred	RM500.00
2.	Pembantu Khidmat Am (Pemandu)	Gred 1	Tiada had

SENARAI EDARAN

1. KPP Bahagian Khidmat Pengurusan
2. KPP Bahagian Dakwah
3. KPP Bahagian Halal
4. KPP Bahagian Penyelidikan
5. KPP Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau
6. KPP Bahagian Pendidikan
7. KPP Bahagian Pembangunan Keluarga
8. KPP Bahagian Penguatkuasaan
9. Imam Besar Masjid Sultan Ahmad 1
10. Al-Fadhil Qadhi Daerah Muadzam Shah
11. Al-Fadhil Qadhi Daerah Rompin
12. Al-Fadhil Qadhi Daerah Pekan
13. Al-Fadhil Qadhi Bandaraya Kuantan
14. Al-Fadhil Qadhi Daerah Kuantan Barat
15. Al-Fadhil Qadhi Daerah Bera
16. Al-Fadhil Qadhi Daerah Maran
17. Al-Fadhil Qadhi Daerah Jengka
18. Al-Fadhil Qadhi Daerah Temerloh
19. Al-Fadhil Qadhi Daerah Bentong
20. Al-Fadhil Qadhi Daerah Raub
21. Al-Fadhil Qadhi Daerah Lipis
22. Al-Fadhil Qadhi Daerah Jerantut
23. Al-Fadhil Qadhi Daerah Cameron Highlands
24. Pengetua Kulliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar, Pekan
25. Pengetua Sekolah Menengah Agama Al-Attas, Pekan
26. Pengetua Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah, Pekan
27. Pengetua Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan, Kuantan
28. Pengetua Sekolah Menengah Agama Maran, Maran
29. Pengetua Sekolah Menengah Agama Chenor, Temerloh
30. Pengetua Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini, Jengka
31. Pengetua Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Temerloh
32. Pengetua Sekolah Menengah Agama Al-Wosto, Temerloh
33. Pengetua Sekolah Menengah Agama Al-Ittifaqiah Guai, Bera

34. Pengetua Sekolah Menengah Agama Pulau Tawar, Jerantut
35. Pengetua Sekolah Menengah Agama Al-Basriah, Jerantut
36. Pengetua Sekolah Menengah Agama Padang Tengku, Kuala Lipis
37. Pengetua Sekolah Menengah Agama Al- Ulum Addiniah Dong, Raub
38. Pengetua Sekolah Menengah Agama Al-Falah, Raub
39. Pengetua Sekolah Menengah Agama Pelangai, Bentong
40. Pengetua Sekolah Menengah Agama Rompin, Rompin
41. Pengetua Sekolah Menengah Agama Bukit Ibam, Rompin